



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PELANCARAN BRUNEI DARUSSALAM FINANCIAL SECTOR BLUEPRINT 2026–2035

**Serambi Suluh, Tarindak D'Seni
Bandar Seri Begawan**

Selasa, 17 Rabiulakhir 1448 bersamaan dengan 29 September 2026

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah melancarkan Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint (FSBP) 2026–2035, iaitu pelan hala tuju kedua yang menggariskan arah strategik bagi pembangunan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam untuk tempoh satu dekad akan datang.
2. FSBP 2026–2035 menyediakan rangka kerja strategik yang komprehensif bagi menyelaraskan keutamaan BDCB dengan industri kewangan, pihak berkepentingan daripada sektor awam dan swasta, serta pihak antarabangsa. Berteraskan prinsip utama untuk mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan, FSBP memberi tumpuan kepada tiga teras strategik berikut:
 - Teras Strategik 1: Sektor kewangan yang progresif dan inovatif;
 - Teras Strategik 2: Kemampanan melalui kewangan; dan
 - Teras Strategik 3: Infrastruktur kewangan moden dan dipacu teknologi.
3. Tetamu Kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB. Turut hadir ialah Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pengarah Urusan, BDCB; ahli-ahli Lembaga Pengarah BDCB dan Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah; pegawai-pegawai kanan serta wakil daripada Kerajaan, BDCB dan industri kewangan.
4. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, yang menekankan bahawa FSBP 2026–2035 dibangunkan berasaskan aspirasi bersama sektor kewangan yang kukuh serta kemajuan signifikan yang telah dicapai setakat ini. Beliau turut menggariskan bahawa pembangunan sektor kewangan merupakan satu perjalanan yang memerlukan usaha berterusan untuk kekal berdaya saing, responsif terhadap perkembangan baharu dan selaras dengan keutamaan negara.
5. Majlis diteruskan dengan ucap tama oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin. Ucap tama beliau menekankan bahawa, dengan berlandaskan pencapaian FSBP yang pertama, pelancaran FSBP 2026–2035 menandakan langkah strategik ke arah membangunkan sektor kewangan yang berdaya tahan, inklusif dan inovatif bagi dekad seterusnya. Beliau turut menegaskan bahawa kejayaan pelaksanaan pelan hala tuju ini memerlukan usaha bersama daripada sektor awam dan swasta serta masyarakat secara keseluruhannya, sekali gus menyumbang ke arah masa depan yang lebih makmur bagi Negara Brunei Darussalam.
6. Program pelancaran turut menampilkan Sesi Dialog Khas bertemakan “ASEAN in a Shifting Global Economy: What It Means for Brunei Darussalam’s Growth and Financial Future”. Sesi dialog tersebut dikendalikan oleh Yang Mulia Allen Lai, Pengarah Urusan, Confer Sdn Bhd, dengan Yang Mulia Mardini

bin Haji Eddie, Timbalan Pengarah Urusan (Operasi Monetari, Perkembangan dan Antarabangsa), BDCB; Yang Mulia Abdullah Haron, Deputy Secretary General, Islamic Financial Services Board (IFSB); dan Yang Mulia Renz Calub, Pegawai Kanan, Finance Integration Division, ASEAN Secretariat. Sesi tersebut membincangkan perkembangan landskap ekonomi global dan serantau serta implikasinya terhadap pertumbuhan dan masa depan sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam.

7. Program kemudiannya diteruskan dengan Sesi Panel bertemakan “*Future-Proofing Brunei’s Financial Sector: Building Resilience, Innovation and Sustainable Growth*”, yang dikendalikan oleh Yang Mulia Dk Sri Joedianna binti Pg Hj Mohammed, Pengarah Eksekutif, BDCB. Ahli panel terdiri daripada Yang Mulia Dk Norhanidah binti Pg Hj Mashor, Pemangku Pengarah Perancangan, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri; Yang Mulia Pg Aki Ismasufian bin Pg Haji Ibrahim, Pengerusi, APEC Business Advisory Council Brunei dan Ketua Pegawai Eksekutif, Standard Chartered Brunei; Yang Mulia Haji Shahrildin bin POKLU DP Haji Jaya, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Takaful Brunei; Yang Mulia Jason Wong, Pengarah Urusan, BIBD Securities; dan Yang Mulia Klaus Tomalla, General Manager, National Insurance Bhd. Perbincangan memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh asas kepercayaan dan kedayatahan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam, di samping meningkatkan peranannya sebagai pemangkin kepada pelaburan, inovasi, keusahawanan dan kepelbagaian ekonomi.
8. Untuk maklumat lanjut mengenai FSBP, sila layari laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn atau ikuti BDCB di Instagram di @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 17 Rabiulakhir 1448H / 29 September 2026

Rujukan: BDCB/COMMS/3